

Malaysia Baharu

Harap dapatimbangi pembangunan kurikulum dengan kebolehpasaran graduan



Pelajar harus berkebolehan dan berupaya untuk memenuhi kebolehpasaran mereka dalam dunia pekerjaan nanti.

Malaysia Baharu! Perkataan ini walaupun sudah mula serasi dalam kalangan masyarakat sejak transformasi kerajaan selepas Pilihan Raya Umum (PRU) 14 lalu, namun masih banyak harapan dan perubahan yang ingin dilihat berlaku dan dilakukan.


Sebagai antara suara 'harapan itu' khususnya dalam kalangan warga di peringkat pendidikan tinggi, Pensyarah Kanan Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Syed Agil Alsagoff berpendapat, makna Malaysia Baharu adalah memberi satu harapan kepada suatu perubahan terhadap pembangunan dan kemajuan Malaysia pada keseluruhannya.

Sokongan padu dan penyatuan masyarakat majmuk di negara ini terhadap kejayaan Malaysia, bukan sahaja berasaskan kepada rangsangan ekonomi dan kestabilan politik, tetapi lebih daripada itu. Ia menggambarkan suatu sosiopolitik yang lebih telus, terbuka dan adil kepada rakyat Malaysia," jelasnya.

Menyentuh dari sudut pendidikan tinggi pula, Dr. Syed Agil secara peribadi berkata, selaras dengan gagasan Malaysia Baharu, dunia pendidikan tinggi di negara ini diharapkan dapat mengimbangi pembangunan kurikulum dengan kebolehpasaran graduan.

"Ini boleh dicapai melalui persepakatan berterusan di antara Universiti dan Industri bagi membolehkan graduan berdaya saing dan lebih matang menghadapi cabaran dunia pekerjaan dalam arus globalisasi.

"Intitusi Pendidikan Tinggi (IPT) seharusnya tidak hanya bertumpu kepada *ranking* semata-mata, sebaliknya mempergiatkan usaha yang boleh memberi manfaat seperti program-program mobiliti staf akademik dan pelajar untuk memperoleh pengalaman akademik dan industri dengan lebih komprehensif, mewujudkan rangsangan baru, menterjemah dan mengkomersilkan hak milik intelektual produk akademik kepada produk berdasarkan keperluan industri masa kini dan menjalinkan lebih banyak kerjasama penyelidikan Universiti Industri yang boleh memanfaatkan



“Pada pandangan saya, pencapaian para pensyarah harus diukur dari segi pengalaman perkhidmatan mereka, di samping memenuhi syarat-syarat lain pengalaman penerbitan, penyelidikan, penyeliaan pelajar dan lain-lain.

- Dr. Syed Agil Alsagoff

kedua-dua pihak.

"Di samping itu juga, para pelajar IPT harus dibekalkan pengalaman keusahawanan yang lebih komprehensif untuk membantu mereka cipta bidang pekerjaan yang boleh membantu mereka menampung hasil pendapatan semasa menjalani alam pekerjaan nanti," jelasnya.

KEMANTAPAN DAN KEMATANGAN PELAJAR

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat masalah utama dalam pendidikan tinggi yang perlu diberi perhatian serius Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam kalangan graduan.

"Ia berkaitan kemantapan dan kematangan pelajar mengadun pengetahuan akademik dengan pengalaman industri bagi melahirkan graduan yang berkebolehan dan berupaya memenuhi kebolehpasaran dalam dunia pekerjaan nanti.

"Ini boleh dicapai jika pihak IPT berusaha memberikan lebih banyak ruang keterbukaan dunia akademik dalam kampus dengan memberikan fasiliti terbaik kepada staf dan pelajar IPT untuk

meneroka ilmu dan menjalin hubungan dengan dunia luar," katanya.

IPT tidak harus menyekat pensyarah dan pelajar untuk melahirkan inovasi dan kreativiti yang boleh memajukan sektor akademik dari segi penyelidikan, penerbitan dan program mobiliti atau pembangunan sosial.

"IPT tidak boleh dianggap sebagai Menara Ilmu yang hanya membatas kepada soal-soal akademik, tetapi mempraktikkan *talent management* iaitu menyesuaikan dan mengambil kira pengalaman dan bakat staf akademik universiti, dikelaskan mengikut keupayaan dan kebolehan mereka bagi memajukan universiti dengan kolektif. Akhirnya ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh warna universiti sebab mereka merasakan kebolehan dan bakat mereka dapat dijelmakan dan dihargai dalam institusi pekerjaan mereka," tambahnya.

PENILAIAN KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH

Satu lagi masalah yang harus diberi perhatian ialah penilaian kenaikan pangkat dalam kalangan para pensyarah IPT, tidak dilihat berdasarkan kepada tempoh kematangan perkhidmatan tetapi berdasarkan pencapaian dalam dunia profesion akademik mereka.

Dr. Syed Agil berpendapat, berlaku ketidakseimbangan pencapaian dalam kalangan warga kampus, berbanding profesion guru yang dinilai berdasarkan pengalaman mengajar.

"Pada pandangan saya, pencapaian para pensyarah harus diukur dari segi pengalaman perkhidmatan mereka, di samping memenuhi syarat-syarat lain pengalaman penerbitan, penyelidikan, penyeliaan pelajar dan lain-lain.

"Ini wajar, sebab pengalaman mereka sebagai pendidik di sebuah universiti harus diambil kira sebagai suatu kayu ukur penting dinaikkan pangkat kekanan jawatan dan memberi keadilan kepada mereka, memandangkan mereka sudah lama berkhidmat jika dibandingkan para pensyarah baru yang boleh merebut jawatan kanan perkhidmatan dengan peluang yang sama dengan para pensyarah senior," katanya.